


Enam perkara kekalkan kemerdekaan

Pemerintah wajib sedia, sempurna kemakmuran untuk kehidupan rakyat

BH 3/9/2006



INTI PATI

Enam perkara perlu dilaksana pemerintah

- 1** Agama diperlukan bagi mengendalikan dan mengawal hawa nafsu.
- 2** Pemerintah berwibawa menjaga dan memelihara kepentingan umat.
- 3** Keadilan menyeluruh boleh mewujudkan kasih sayang dan perpaduan.
- 4** Keamanan yang kekal berkat wujud keadilan.
- 5** Kesuburan berpanjangan menjadikan negara mewah dan makmur.
- 6** Negara akan dapat mencapai kemajuan pesat dengan harapan dan cita-cita besar.

"RAKYAT adalah aset negara paling berharga. Pembangunan modal insan dan anjakan minda serta pemikiran warga adalah salah satu cabaran terbesar. Sekiranya kita ingin melangkah ke era ekonomi berpaksikan pengetahuan, jika kita mahu menjadi negara maju dan kekal pada tahap itu, pembangunan modal insan harus diutamakan.

"Dalam konteks dunia global, modal insan bermutu tinggi adalah satu keperluan, bukan lagi satu kemewahan," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) di Parlimen, Mac lalu.

Sebagai aset negara paling berharga, rakyat mempunyai hak untuk mendapatkan enam perkara dalam negara yang wajib dipenuhi oleh pemimpin. Keenam-enam perkara ini ialah agama ditaati, pemerintah berwibawa, keadilan menyeluruh, keamanan merata, kesuburan berpanjangan, harapan dan cita-cita yang besar.

Al-Mawardi (w 405H) menjelaskan keenam-enam perkara di atas dalam kitabnya *Adab al-Dunya wa al-Din*.

Kesimpulan daripada penjelasannya itu ialah agama diperlukan bagi mengendalikan dan mengawal hawa nafsu dan memulihara jiwa daripada mengikut nafsu yang inginkan per-

kara buruk. Agama dapat mengalahkan perasaan dan kemahuan jahat. Hanya pegangan agama yang kuat dapat mengawasi jiwa kerana ia adalah sendi utama yang paling berkesan bagi kemantapan dan kesejahteraan seseorang negara dan masyarakat.

Pemerintahan yang berwibawa dapat menyatupadukan keinginan rak-

yat yang beraneka ragam, dapat mencegah kejahatan dan kezaliman yang didorong oleh hawa nafsu. Pemerintahan yang berwibawa menjaga dan memulihara kepentingan umat.

Keadilan yang menyeluruh boleh mewujudkan kasih sayang dan perpaduan, taat setia kepada pemimpin, negara bertambah makmur, harta makin berkembang, keturunan bertambah dan kedudukan pemimpin terus kukuh. Sebaliknya kezaliman adalah penyakit yang sangat cepat membawa negara dan pemerintahan kepada kebinasaan.

Keamanan yang merata pula membolehkan rakyat dan penduduk menikmati ketenangan jiwa, mereka dengan bebas berusaha, bergerak maju bagi mencapai cita-cita, memenuhi keperluan masing-masing tanpa gangguan dan ketakutan. Keadaan yang tidak aman membawa tekanan, ketakutan dan kekacauan rakyat. Rakyat tidak dapat bergerak bebas dan tidak dapat berusaha dengan semangat progresif. Keamanan yang kekal adalah berkat wujudnya keadilan.

Kesuburan yang berpanjangan boleh menjadikan negara mewah dan makmur, ekonomi berkembang dan teratur segala keperluan hidup dengan mudah diperoleh. Maka, anggota masyarakat dapat hidup dalam keadaan rukun damai. Oleh itu, menjadi kewajiban negara untuk menyediakan dan menyempurnakan sebab kemakmuran kehidupan rakyat dan menghindarkan rakyat daripada keadilan. Akhirnya, harapan dan cita-cita besar boleh mendorong rakyat kepada kemakmuran hidup di dunia dan menyempurnakan kebaikannya.

Dengan adanya harapan dan cita-cita yang besar maka sesuatu negara akan dapat mencapai kemajuan pesat. Kemajuan dan tamadun yang dicapai dapat diwariskan kepada generasi akan datang supaya mereka dapat menikmati kemakmuran dan kemewahan. (hlm 136-147).

Rakyat di alam kemerdekaan akan menagih keenam-enam perkara di atas. Jika ia dipenuhi, mereka akan gembira dan bahagia. Jika tidak dipenuhi, mereka akan mencuba mendapatkannya dengan apa cara sekali pun. Rakyat adalah saksi dan pengadil. Jika pemerintah baik mereka akan naik saksi bahawa pemerintah baik dan begitu pula sebaliknya. Ali Ibn Abi Talib menulis kepada Gabenor Mesir, Malik bin al-Haris; "Ketahuilah, wahai Malik bahawa kami menghantar kamu menjadi gabenor sebuah negeri yang pada masa lalu mengalami pemerintahan yang adil mahupun tidak adil. Orang akan memperhatikan tingkah laku kamu seperti kamu pernah meneliti tingkah laku orang sebelum kamu dan orang akan bercerita mengenai kamu seperti kamu bercerita mengenai orang lain. Sebenarnya orang yang selalu memuji mereka yang berbuat baik, mereka yang menjadi saksi kepada perbuatan kamu. Sebab itu harta paling berharga yang patut menjadi idaman kamu adalah amar makruf. Ingatlah, kamu dilantik sebagai pemimpin mereka seperti kami dilantik menjadi pemimpin kamu. (Warkah Khalifah Islam Keempat)

Rakyat adalah amanah yang paling berat dipikul oleh pemimpin. Rasulullah berdoa maksudnya: "Ya Allah, barang siapa dilantik mengendalikan

kan mana-mana urusan umatku kemudian dia berlaku lemah lembut dengan mereka maka berlemah lembutlah Engkau kepadanya. Dan barang siapa yang dilantik mengendalikan mana-mana urusan umatku kemudian dia menyusahkan mereka maka berilah kesusahan ke atasnya." (Hadis riwayat Muslim)

Apa yang diperkatakan di atas, rakyat boleh menilai kepemimpinan negara hari ini yang bercita-cita membangunkan rakyat dalam era kemerdekaan sebagai modal berkualiti. Perdana Menteri berkata: "Usaha membangunkan modal insan berkualiti akan digiatkan. Pendekatan kepada pembangunan modal insan haruslah secara holistik, menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual termasuk ilmu sains, teknologi, keusahawanan, pembudayaan sikap progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi. Inilah yang dikatakan modal insan berminda kelas pertama.

Tiga strategi utama untuk melahirkan modal insan kelas pertama akan dilaksanakan. Pertama, meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan. Kedua, memperkukuh keupayaan sains, pembangunan dan penyelidikan (R&D) dan inovasi. Ketiga, memupuk masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral.

Untuk memenuhi perkara keenam dalam tulisan al-Mawardi di atas yakni harapan dan cita-cita yang besar maka: "Komitmen dan tindakan bersama setiap pihak adalah perlu bagi memastikan kejayaan pelaksanaan RMK-9.

"Sava menegaskan bahawa setiap

PETIKAN

"Ya Allah, barang siapa dilantik mengendalikan mana-mana urusan umatku kemudian dia berlaku lemah lembut dengan mereka maka berlemah lembutlah Engkau kepadanya. Dan barang siapa yang dilantik mengendalikan mana-mana urusan umatku kemudian dia menyusahkan mereka maka berilah kesusahan ke atasnya."

Hadis riwayat Muslim

warga mempunyai peranan penting dalam menjayakan usaha negara bangsa itu. Sektor swasta perlu menjadi peneraju pertumbuhan ekonomi sementara sektor awam sebagai pemudah cara pertumbuhan ekonomi dan penyedia kemudahan sosioekonomi. Masyarakat perlu berperanan sebagai rakan berkongsi pembangunan. Sesungguhnya, usaha untuk merealisasikan aspirasi menjadi sebuah negara maju memerlukan komitmen dan kesanggupan setiap rakyat untuk bekerja keras, meningkatkan jati diri dan sentiasa memperkayakan diri dengan ilmu pengetahuan," kata Perdana Menteri. Hasbunallahu wani'mal wakil.